



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KKM 87/A2/14-4/7 (27)
Tarikh : 27 MAC 2020

Pemegang Lesen Hospital Swasta

Tuan / Puan,

PENYEDIAAN KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN SCREENING AND TRIAGING BOOTH RELATED TO COVID-19 DI HOSPITAL SWASTA

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Selaras dengan Jadual, Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah Di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020, sektor jagaan kesihatan dan perubatan telah disenaraikan sebagai salah satu **perkhidmatan perlu** (*essential services*).

3. Susulan itu, sekiranya terdapat hospital swasta yang ingin menyediakan kemudahan dan perkhidmatan *screening and triaging booth related to COVID-19* di hospital swasta berkenaan, **pemegang lesen** perlu mengemukakan notifikasi melalui emel ke alamat **ckaps@moh.gov.my** berserta butiran seperti berikut:

- (a) Nama hospital dan alamat hospital;
- (b) Justifikasi penambahan kemudahan dan perkhidmatan *screening and triaging booth* tersebut;
- (c) *Schematic diagram* dan penerangan ringkas berkaitan *patient flow*;
- (d) Butiran personel terutamanya *person to perform* yang terlatih untuk mengambil dan mengendalikan sampel bagi ujian COVID-19;
- (e) Menamakan makmal swasta yang akan menjalankan ujian ke atas sampel yang diambil; dan
- (f) Nama dan no. telefon pemegang lesen.

4. Hospital swasta perlu memastikan pematuhan terhadap perkara berikut:

- (a) Prosedur kawalan jangkitan dan rekod perubatan pesakit, selaras dengan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998, yang mana berkaitan;
- (b) Mematuhi *Guidelines COVID-19 Management No. 5/2020 updated on 24 March 2020* serta garis panduan dan *Standard Operating Procedure* terkini yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa;
- (c) Menggunakan *test kit* dan prosedur yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia;

..2/-

- (d) Mempunyai kolaborasi/kerjasama dengan makmal swasta yang menjalankan ujian RT-PCR bagi COVID-19 (sila rujuk *Guidelines COVID-19 Management No. 5/2020 updated on 24 March 2020*);
- (e) *Code of Professional Conduct* dan profesionalisme;
- (f) *Good Medical Practice Guidelines*; dan
- (g) Tanggungjawab penuh terhadap staf, kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan.

Prosedur ini **hanya terpakai** sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berkuatkuasa. Pihak hospital perlu mematuhi prosedur biasa setelah tempoh Perintah tersebut berakhir.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. AHMAD RAZID BIN SALLEH, MMC: 26560)

Pengarah Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
b.p. Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k.

Ketua Pengarah Kesihatan

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Pengarah Kesihatan Negeri

DNAS/COVID-19/2020/HospSwasta